



**KENYATAAN
REQUEST FOR PROPOSAL**

Tawaran adalah dipelawa kepada Syarikat yang mempunyai keupayaan dan kemampuan dari segi kewangan dalam pelaksanaan projek seperti berikut :-

**CADANGAN SEWAAN TAPAK MILIK MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI
BANDARAYA PELANCONGAN BAGI TUJUAN PEMBANGUNAN DI ATAS
LOT 60182 PN 7285, PANTAI TENGAH, DAERAH LANGKAWI,
KEDAH DARUL AMAN
(No. Rujukan Fail : MPLBP/F/PEN.61-2022)**

- i. Pihak-pihak yang berminat boleh mendapatkan borang menerusi laman web rasmi Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan <https://pbt.kedah.gov.my/> atau di alamat yang berikut:

Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan,
07000 Langkawi,
Kedah Darul Aman

u/p: Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
No. Tel : 04-967 1824 No. Fax: 04-967 1773
No. Hp : 011-5679 6885
Email: jpplmplbp@gmail.com

Tarikh Tutup Permohonan

Kertas kerja cadangan pembangunan berkenaan hendaklah diserahkan sebelum atau pada **03 Ogos 2022 (Rabu) jam 12.00 tengahhari**

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KEDAH SEJAHTERA-NIKMAT UNTUK SEMUA”**

Saya yang menjalankan amanah,


Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan



REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)

**CADANGAN SEWAAN TAPAK MILIK
MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI
BANDARAYA PELANCONGAN
BAGI TUJUAN PEMBANGUNAN DI ATAS
LOT 60182 PN 7285, PANTAI TENGAH,
DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN**

URUS SETIA

**JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA
MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN
KEDAH DARUL AMAN**

✉ jpphmplbp@gmail.com

☎ 604 967 1824 , 604 966 1773

🌐 <https://pbt.kedah.gov.my/>



1.0 PENGENALAN

Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan berhasrat untuk membangunkan tapak Lot 60182 PN 7285, Pantai Tengah dengan penyertaan dan penglibatan sektor swasta. Sehubungan dengan itu, tawaran ini adalah dipelawa kepada Syarikat yang mempunyai keupayaan dan kemampuan dari segi kewangan bagi memajukan tanah milik Majlis di atas Lot 60182 PN 7285, Pantai Tengah, Daerah Langkawi, Kedah Darul Aman.

2.0 MAKLUMAT TAPAK

2.1 Maklumat Tapak yang akan disewakan seperti berikut:

Negeri	Kedah
Daerah	Langkawi
No. Lot	Lot 60182 Seksyen 4
No. Hak Milik	PN 7285
Bandar/Pekan/Mukim	Bandar Padang Matsirat
Luas Lot	1668 Meter Persegi
Kategori Penggunaan Tanah	Bangunan
Pegangan	60 tahun berakhir 20 November 2076
Syarat Nyata	Tanah yang terkandung dalam hakmilik ini hendaklah digunakan bagi maksud yang dibenarkan semata-mata iaitu tapak pelancongan sahaja.

2.2 Lokasi tanah adalah terletak kira-kira 22 kilometer dari Pusat Bandar Kuah dan lebih kurang 2.5 kilometer daripada Padang Matsirat. Lot boleh dihubungi melalui Jalan Teluk Baru, Pantai Tengah.

2.3 Secara umumnya, pembangunan kawasan sekitar lot subjek yang terdapat disepanjang Jalan Teluk Baru, Pantai Tengah ialah bangunan-bangunan berkonsepkan peranginan dan perniagaan seperti Hotel



Camar, Hotel Aloft, Tropical Resort, Hotel Frangipani, Sun Spa, Hotel Holiday Villa, Boat Restaurant, Unkanzai Restoran, Sun Mall dan Sun Bar.

- 2.4 Lot subjek adalah lot kosong yang terletak di lapisan pertama Jalan Teluk Baru, Pantai Tengah, berkeluasan 0.1663 Hektar (17,900 kaki persegi) dan berbentuk tidak sekata. Keadaan rupa bumi adalah rata dan tanah tidak separa dengan jalan utama.
- 2.5 Berdasarkan Rancangan Tempatan Daerah Langkawi Tahun 2030, harta tanah subjek di zonkan sebagai Zon Perniagaan.

Pelan Lokasi, Pelan Tapak & Gambar Hartanah adalah seperti di Lampiran A

3.0 MAKLUMAT YANG PERLU DISEDIAKAN

Syarikat Pembida projek perlu menghantar maklumat yang lengkap dan terperinci mengenai cadangan pembangunan dan pengurusan tapak Lot 60182 PN 7285, Pantai Tengah, Bandar Padang Matsirat, Langkawi Kedah Darul Aman. Maklumat-maklumat yang diperlukan adalah seperti berikut:

3.1 Maklumat Umum

Maklumat mengenai latar belakang Syarikat yang merangkumi aspek berikut:-

- i. Nama Syarikat
- ii. No. Pendaftaran Syarikat
- iii. Tarikh Penubuhan Syarikat
- iv. Jenis Perniagaan Utama
- v. Alamat Syarikat (ibu Pejabat dan Cawangan)
- vi. No. telefon, No. Faks, dan Alamat Email Syarikat



- vii. Modal Berbayar Syarikat
- viii. Jenis dan Butiran Pemilik Syarikat
- ix. Senarai Ahli Lembaga Pengarah
- x. Maklumat mengenai Pengurusan Atasan, dan
- xi. Bilangan Pekerja

Syarikat Pembida perlu mengemukakan salinan sijil-sijil pendaftaran dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Kementerian Kewangan (MOF)/ Pusat Perkhidmatan Kontraktor (PKK) / Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDM) beserta tempoh sah laku.

3.2 Konsep Pembangunan

Cadangan yang dikemukakan hendaklah berbentuk komersial yang mempunyai reka bentuk moden serta berdaya saing. Permohonan perlu disertakan dengan maklumat komponen pembangunan berbentuk pelan susunatur, pelan perspektif 3D berserta ilustrasi gambar Cadangan Pembangunan. Syarikat pembida juga perlu menyatakan dengan jelas *material* yang digunakan dalam pembinaan kelak.

3.3 Keupayaan Kewangan Syarikat

Syarikat Pembida mestilah mempunyai kewangan yang kukuh untuk membiayai, membangunkan dan menguruskan projek yang dicadangkan. Kelayakan Syarikat Pembida yang akan melaksanakan projek ini amat dititiberatkan oleh MPLBP.

Syarikat Pembida perlu membekalkan Penyata Kewangan yang diaudit bagi tiga (3) tahun terkini (2019, 2020 dan 2021) dan penyata bank tiga (3) bulan terkini dilampirkan bersama kertas cadangan.



3.4 Kebolehlaksanaan Projek

3.4.1 Pelaksanaan Projek

Kertas cadangan perlu dikemukakan bersama cadangan pelan pembangunan dan pengurusan berserta *timeline* projek.

3.4.2 Keupayaan Kewangan Projek

Syarikat Pembida perlu membiayai keseluruhan kos pembangunan dan pengurusan tersebut. Oleh itu, Syarikat Pembida perlu menyatakan secara terperinci anggaran modal dan kos yang akan terlibat bagi pembangunan dan pengurusan Lot 60182 PN 7285, Pantai Tengah.

Selain itu, Syarikat Pembida juga perlu memperincikan jangkaan aliran tunai keluar masuk bagi tempoh cadangan pembangunan dan pengoperasian yang merangkumi hasil yang diterima serta kos operasi yang terlibat secara realistik dan munasabah dalam tempoh kontrak bersama MPLBP.

3.5 Konsep Sewaan

3.5.1 Tempoh Sewaan

Tempoh sewaan yang dicadangkan oleh pihak Majlis adalah selama 3 tahun + 3 tahun + 3 tahun (9 tahun). Pihak syarikat perlu menyerahkan hartanah yang dibangunkan kepada pihak Majlis selepas tamat tempoh penyewaan.

Sekiranya pihak syarikat mempunyai cadangan tempoh yang berbeza, sila nyatakan dalam kertas cadangan sebab tempoh yang dipohon.



3.5.2 Nilai Sewaan

Nilai rizab sewaan ke atas tawaran / bidaan ini ialah
RM 10,000.00 sebulan.

3.6 Jadual pelaksanaan yang dicadangkan adalah seperti berikut :-

Bil	Keterangan	Anggaran Tarikh / Tempoh
i	Iklan Tawaran	13 Julai 2022
ii	Penyediaan Kertas Cadangan Oleh syarikat-Syarikat Pembida	13 Julai hingga 03 Ogos 2022
iii	Tarikh akhir syarikat mengemukakan dokumen lengkap kepada MPLBP	03 Ogos 2022
iv	Penyerahan dokumen beserta deraf bank bersamaan RM 1,000.00	03 Ogos 2022
v	Penilaian teknikal dan kewangan	04 Ogos hingga 07 Ogos 2022
vi	Pembentangan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan MPLBP	09 Ogos 2022
vii	Surat tawaran / pemakluman Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan MPLBP	Minggu Ketiga Ogos 2022
viii	Surat Setuju Terima (SST)	Minggu Ketiga Ogos 2022
ix	Perjanjian ditandatangani setelah terma dan syarat dipersetujui oleh kedua-dua pihak	3 bulan dari tarikh SST

**Pindaan tarikh adalah tertakluk mengikut ketetapan dan perubahan oleh pihak MPLBP.*



4.0 SYARAT-SYARAT DAN TERMA

- 4.1 Syarikat Pembida adalah dipelawa untuk mengemukakan cadangan berdasarkan keperluan yang dinyatakan di dalam dokumen ini. Kegagalan untuk mengemukakan sebarang maklumat yang dikehendaki akan menyebabkan cadangan ditolak.
- 4.2 Syarikat Pembida juga perlu menanggung segala kos yang berkaitan dengan penyediaan dan penyerahan RFP. Pihak MPLBP tidak akan menanggung apa-apa kos, ganti rugi atau pampasan daripada penyediaan RFP oleh syarikat.
- 4.3 Satu (1) *softcopy* dan tiga (3) salinan bercetak perlu dikemukakan ke alamat berikut:

Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
Aras 2, Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan,
07000 Langkawi,
Kedah Darul Aman
Emel : jpphmplbp@gmail.com

- 4.4 Cadangan yang diterima selepas jam 12.00 tengahari pada 2 Ogos 2022 (Selasa) tidak akan diproses.
- 4.5 Penyerahan harus dilakukan dengan menggunakan sampul bertutup dan ditulis dengan jelas di sebelah atas kanan sampul **“Cadangan Sewaan Tapak Milik Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan Bagi Tujuan Pembangunan di atas Lot 60182 PN 7285, Pantai Tengah, Daerah Langkawi, Kedah Darul Aman.”**



PENGAKUAN

Saya _____

bagi pihak Syarikat _____

dengan ini menawarkan untuk menyewa Tapak Milik Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan Bagi Tujuan Pembangunan di atas Lot 60182 PN 7285, Pantai Tengah, Daerah Langkawi, Kedah Darul Aman tertakluk kepada semua syarat bidaan atas kadar sewaan :-

Ringgit Malaysia _____

sahaja (RM _____).

Dilampirkan bersama-sama ini deraf bank bertarikh _____ dan bernombor _____ bernilai RM _____ sebagai bayaran bidaan kepada Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan.

Sekiranya tawaran saya diterima, saya bersetuju untuk menandatangani Surat Perjanjian Penyewaan dan menjelaskan bayaran sewaan dengan tertakluk kepada syarat-syarat yang terkandung dalam syarat Bidaan dan Surat Perjanjian Penyewaan.

Saya memperakui bahawa semua maklumat yang berkaitan dengan tawaran bidaan ini adalah benar dan sah. Saya memberi keizinan kepada Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan untuk meneliti dan mengkaji dengan lebih lanjut semua maklumat tersebut dengan pihak saya atau pihak-pihak lain yang berkaitan. Saya juga bersetuju untuk membekalkan maklumat-maklumat tambahan yang berkaitan dengan bidaan ini sekiranya diminta oleh Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan.



CADANGAN SEWAAN TAPAK MILIK MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN BAGI TUJUAN
PERNIAGAAN DI ATAS LOT 60182 PN 7285, PANTAI TENGAH, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN
(No. Rujukan Fail MPLBP/F/PEN.24-2019)

Tandatangan : _____

Nama : _____

Jawatan : _____

Tarikh : _____

Cop Syarikat : _____

Tandatangan Saksi : _____

Nama : _____

Jawatan : _____

Tarikh : _____



SURAT AKUAN INTEGRITI

Saya No. My Kad
yang mewakili syarikat No. Pendaftaran syarikat
..... dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-
mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi
rasuah kepada mana-mana individu dalam Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan (MPLBP) atau mana-mana individu lain, sebagai
sogokan untuk dipilih dalam *Request For Proposal* (RFP) seperti di atas.
Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat
seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini
didapati cuba menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu
dalam MPLBP atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih
dalam *Request For Proposal* (RFP) seperti di atas, maka saya sebagai wakil
syarikat bersetuju tindakan berikut diambil:


- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi *Request For Proposal*
(RFP) di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi Request For Proposal (RFP) di atas;
dan
- 2.3 Tindakan-tindakan tatatertib lain mengikut peraturan perolehan
Kerajaan yang berkuat kuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada
saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai
sogokan untuk dipilih dalam *Request For Proposal* (RFP) seperti di atas, maka
saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada
pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis
yang berhampiran.

Yang Benar,

()
Cop Syarikat

Catatan:



PETUNJUK
● KAWASAN TERLIBAT



MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI
BANDARAYA PELANCONGAN

PELAN LOKASI

LOT 60182 PN 7285 PANTAI TENGAH, LANGKAWI



MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN

PANDANGAN HADAPAN HARTANAH

LOT 60182 PN 7285 PANTAI TENGAH, LANGKAWI



MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN

PANDANGAN BELAKANG HARTANAH

LOT 60182 PN 7285 PANTAI TENGAH, LANGKAWI